

SST tidak beri kesan perbelanjaan domestik

THE STAR 03/09/2018

MS 1312

➔ Asas ekonomi kukuh terus sokong permintaan kekal teguh

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@nstp.com.my

Pelaksanaan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bermula 1 September tidak akan menjejaskan perbelanjaan domestik di negara ini, kata penganalisis.

MIDF Research dalam laporan ekonominya berkata, berbanding Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), rejim SST tidak memberikan kesan kepada pengguna secara langsung, melalui pengilang dan penyedia perkhidmatan.

"Asas ekonomi yang kukuh dalam ekonomi Malaysia, khususnya pasaran buruh yang stabil, tekanan inflasi sederhana dan aktiviti industri memberangsangkan akan terus menyokong permintaan domestik untuk kekal teguh," katanya.

Ketika GST mula dilaksanakan pada April 2015, kadar pertumbuhan perbelanjaan persendirian merosot selama dua suku berturut-turut, iaitu pada suku kedua 2015 dan suku ketiga 2015, masing-masing sebanyak 6.4 peratus dan 4.1 peratus.

Bagaimanapun, kesan GST adalah sekali sahaja dan permintaan domestik kembali



SST meliputi item yang lebih kecil dan membabitkan kurang kos pematuhan pada peringkat hujung perniagaan, tidak seperti GST. Justeru, ia akan menjadi lebih murah bagi perniagaan untuk beroperasi dan diharapkan ini akan menjadi tabungan kepada pengguna."

Kamaruddin Mohd Nor,
Ketua Ekonomi MIDF Amanah
Investment Bank Bhd

memecut stabil sebaik sahaja pengguna membiasakan diri dengan harga normal baharu.

"Bagi separuh kedua 2018, kami menjangkakan permintaan domestik khususnya perbelanjaan isi rumah akan meningkat kukuh di tengah-tengah tempoh cuti cukai dan sentimen pengguna yang optimis.

"Kami mengunjurkan perbelanjaan persendirian akan berkembang kukuh sebanyak 6.5 peratus pada 2018," katanya.

Ditanya sama ada rakyat Malaysia bersedia untuk SST di tengah-tengah kos sara hidup semasa yang tinggi, Ketua Ekonomi MIDF Amanah Investment Bank Bhd, Dr Kamaruddin Mohd Nor, berkata SST meliputi item yang lebih kecil (5,445 item dikecualikan) dan membabitkan kurang kos pematuhan pada peringkat hujung perniagaan, tidak seperti GST.

"Justeru, ia akan menjadi lebih murah bagi perniagaan untuk beroperasi dan diharapkan ini akan menjadi tabungan kepada pengguna," katanya.

Bersetuju dengan pandangan ini, Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, Profesor Emeritus Dr Zakariah Abdul Rashid, berpendapat pelaksanaan SST yang bermula pada 1 September akan memberi manfaat kepada pengguna.

Manfaat kepada pengguna

Katanya, kesan terhadap harga barangan dan perkhidmatan selepas 1 September mungkin minimum kepada pengguna.

"Pengguna akan kurang terbeban dengan pelaksanaan semula SST kerana hanya mereka yang terbabit perlu membayar cukai. Jika kita melihat kepada kadar sifar GST Jun lalu dan 'tempoh cuti cukai', pengguna sebenarnya menikmati harga barangan yang rendah pada Jun," katanya.

Selasa minggu lalu, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, memberikan pekenan kepada pelaksanaan SST yang membuka jalan kepada cukai berkenaan berkuatkuasa pada 1 September.

Menteri Kewangan, Lim

Guan Eng, berkata pelaksanaan SST adalah sejajar dengan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk memenuhi manifesto yang dijanjikan sewaktu pilihan raya umum lalu dan berharap meringankan beban rakyat kerana kerajaan akan hanya mengutip SST sebanyak RM21 bilion berbanding RM41 bilion dari GST.

SST adalah dua rangka cukai berasingan yang beroperasi selama hampir 40 tahun di Malaysia sebelum pelaksanaan GST pada 2015.

Cukai jualan dikenakan ke atas semua barangan yang dikeluarkan di Malaysia atau diimport ke Malaysia, melainkan ia dikecualikan oleh Kementerian Kewangan.

Ada kalanya dikenali sebagai 'cukai pengilang', cukai jualan adalah sistem cukai peringkat tunggal kerana cukainya hanya dikutip pada peringkat pengeluaran dan pengimport.

Bagi cukai perkhidmatan pula, ia dikenakan kepada pengguna akhir yang memanfaatkan perkhidmatan boleh dicukai.

